

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Pengajian Undang-Undang
Sent: Tuesday, 4 April, 2017 4:58 PM
To: UUM - All Staff
Cc: Haslida Binti Ismail
Subject: SoL ONLINE: TARIK MINAT PELAJAR SEKOLAH MEMASUKI BIDANG PERUNDANGAN



PUSAT PENGAJIAN UNDANG-UNDANG
SCHOOL OF LAW

Universiti Utara Malaysia

04 APRIL 2017 / 07 REJAB 1438H

=====
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan



SoL Online: Pusat Pengajian Undang-undang (SoL) telah menerima lawatan daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Hosba, Jitra, Kedah pada 28 Mac 2017. Lawatan itu terdiri daripada 58 pelajar dalam tingkatan 5 dan 6 serta diwakili oleh dua (2) orang guru pengiring. Kehadiran mereka disambut mesra oleh Encik Ahmad Nasyran Bin Azrae, Penyelaras Program BPLB dan staf pentadbiran Pusat Pengajian Undang-undang.

Semasa lawatan, para pelajar telah dibawa melawat *Moot Court*, Pusat Pengajian Undang-undang. Mereka sangat teruja apabila memasuki *Moot Court* kerana dapat merasai suasana sebenar berada di dalam kamar Mahkamah. Mereka juga telah diberikan penerangan mengenai Program Undang-Undang (LL.B) dan Program Falsafah, Undang-undang dan Perniagaan (BPLB) yang ditawarkan di Pusat Pengajian Undang-undang.

Diharapkan dengan penerangan yang jelas berkaitan syarat kemasukan ke Universiti untuk program LLB dan BPLB dapat menarik minat pelajar untuk menyambung pengajian di Pusat Pengajian Undang-undang khususnya dan UUM amnya.

Pihak Pengurusan Pusat Pengajian Undang-undang merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung bagi menjayakan program lawatan dari Sekolah Menengah Kebangsaan Hosba tersebut.

Tamat.


Pejabat Dekan (Dean Office)

Pusat Pengajian Undang-Undang (School of Law)

UUM College of Law, Government & International Studies (UUM COLGIS)

Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia

Tel : 04-9288101 | Faks: 04-9288107 | Email : colgis_ppu@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.